

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1 Jld.5()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BIL. 5 TAHUN 2024**

Tarikh : 30 Mei 2024 (Khamis)
Masa : 10.00 pagi – 11.00 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga, Aras 2
Bangunan MBSJ
Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh YM Raja Mohd Ashraf bin Raja Chik, Penolong Pengarah Khidmat Pengurusan.

2.0 TAYANGAN PROGRAM MAJLIS BULAN MEI 2024

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan Mei 2024 dipaparkan kepada ahli mesyuarat.

3.0 PERUTUSAN DATUK BANDAR

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya yang kelima bagi tahun 2024. Seterusnya pemakluman beberapa perkara seperti berikut :

- i) Datuk Bandar berkongsi amanat yang disampaikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia. Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) menerusi surat edaran JPA menyatakan YAB Perdana Menteri telah menetapkan iltizam Kerajaan untuk melaksanakan islah dalam perkhidmatan awam terutamanya berkaitan elemen tatakelola dan integriti. Penekanan kepada perkara ini adalah sebagai asas tunjang kestabilan dan kesejahteraan negara.

Ia memerlukan penjawat awam berpegang teguh kepada nilai-nilai murni yang diterjemahkan ke dalam bentuk komitmen, produktiviti dan inovasi dalam penyampaian perkhidmatan.

Penjawat awam wajar mengaplikasikan prinsip H.E.M.A.T yang merupakan akronim kepada Hijrah Tatakelola, Empati Rakyat, Minda Pekin, Apresiasi Inovasi dan Telus Tadbiran. Prinsip H.E.M.A.T ini mengkehendaki pegawai awam supaya berani berhijrah selaras dengan tuntutan perubahan semasa.

lanya dilaksanakan sejajar dengan konsep Malaysia MADANI serta aspirasi The G.R.E.A.T. Civil Service bagi memastikan perkhidmatan awam sentiasa cekap, relevan dan berkesan.

Penjawat awam perlu mempunyai kesediaan minda dan usaha untuk berubah daripada suatu cara kerja lapuk kepada pendekatan baharu lebih efisien, berdaya maju dan memenuhi kehendak pemegang taruh serta pelanggan. Sesuatu perubahan hanya akan berjaya dengan kesepaduan pelaksanaan inisiatif melalui komunikasi yang berkesan.

Penjawat awam juga perlu bertindak sebagai ejen kepada Kerajaan dalam menyantuni rakyat. Setiap permasalahan rakyat perlu didengari serta diperhalusi, seterusnya dikemukakan untuk pertimbangan. Segala inisiatif dan program yang dipersetujui perlu disegerakan pelaksanaannya demi kemaslahatan rakyat.

MBSJ akan memastikan semua warga kerja untuk meningkatkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatan yang berintegriti bagi menyokong prinsip ini.

- ii) Datuk Bandar juga memaklumkan berkenaan Program Jelajah Gagasan Rumpun Selangor Peringkat Daerah Petaling. Program Gagasan Rumpun Selangor diperkenalkan untuk menyemarakkan semangat perpaduan nasional di peringkat Negeri Selangor. Program ini adalah terjemahan demografi Negeri Selangor yang

merangkumi pelbagai lapisan masyarakat daripada penduduk asal dan Orang Asli, sehinggalah kepada perantau dari seluruh negara yang bekerja, bermastautin dan menjadi rakyat Selangor.

Program Jelajah Rumpun Selangor Peringkat Daerah Petaling yang melibatkan kawasan MBSJ akan diadakan pada 21 Jun 2024, hari Jumaat. Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah berkenan mengadakan kunjungan ke Ladang Farm Fresh serta ke Universiti Putra Malaysia bagi melawat Muzium Warisan Melayu dan sesi ramah mesra bersama-sama pelajar UPM. Seterusnya baginda akan menunaikan solat Jumaat di Masjid As Salam Puchong Perdana dan diakhiri dengan santapan bersama rakyat.

- iii) Seterusnya Datuk Bandar mengucapkan syukur kerana MBSJ telah berjaya membangunkan aplikasi e-Cakna MBSJ yang diguna pakai oleh semua warga kerja MBSJ dalam usaha mengenal pasti perkhidmatan MBSJ yang mungkin menjadi aduan kepada penduduk. Aplikasi ini dibangunkan sebagai usaha warga kerja MBSJ untuk mendahului aduan dan diguna pakai bermula Mei 2024.

Sehingga kini, sebanyak 500 aduan telah dikenal pasti oleh warga kerja dan telah disalurkan kepada Jabatan berkaitan untuk diselesaikan. Antara aduan yang telah dikenal pasti adalah

berkaitan kerosakan infrastruktur, pembersihan kawasan, pokok, anjing liar, bencana dan sebagainya.

Semoga usaha warga kerja MBSJ mendahului aduan ini dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk masyarakat setempat.

- iv) Datuk Bandar berkongsi berkenaan pengurusan pokok yang dilaksanakan di MBSJ. MBSJ amat konsisten dan komited dalam mengurangkan risiko pokok-pokok teduhan awam di dalam kawasan pentadbiran Majlis demi memastikan kesejahteraan semua. Majlis pro aktif dalam bidang pengurusan pokok dalam bandar.

Bagi tahun 2024, perancangan rapi telah dibuat sejak tahun sebelumnya dengan pemeriksaan tapak, penyediaan inventori dan pengurusan tender secara berperingkat. Berikutan perubahan cuaca dunia yang tidak menentu dan impak kepada persekitaran, Majlis telah memperuntukkan bajet tambahan bagi meningkatkan kerja-kerja pemangkasan pokok dalam bandar dan sehingga Mei 2024, Majlis telah menyelenggara lebih kurang 8,000 pokok awam dan dijangka akan memangkas sebanyak 7,000 lagi sehingga akhir tahun. Ini adalah berbeza dengan pengurusan aduan yang mana bersifat reaktif. Bagi pokok-pokok yang diadu oleh penduduk yang mana difikirkan berisiko, Majlis akan menyemak keadaan di tapak dan menilai tahap risikonya sebelum mencadangkan tindakan seterusnya.

Majlis mempunyai pengetahuan bidang arborikultur dan berusaha melakukan yang terbaik buat semua.

- v) Datuk Bandar berkongsi berkenaan Sambutan Hari Landskap Negara 2024 yang bertemakan "Industri Landskap Pemacu Pembangunan Madani" telah berlangsung bermula daripada 24 Mei 2024 sehingga 2 Jun 2024 bertempat di Taman Tasik Shah Alam, Selangor. Sambutan ini telah dirasmikan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim pada 25 Mei 2024. MBSJ tidak ketinggalan mengambil peluang menyertai Pameran Laman PBT dengan menyetengahkan taman yang berkonsepkan '*Magical Garden*'.
- vi) Seterusnya Datuk Bandar memaklumkan bahawa MBSJ akan melaksanakan bengkel koir dan tarian kebudayaan warisan MBSJ 2024 sebanyak 2 sesi seperti berikut :
- Sesi 1 : 26 dan 27 Jun 2024 (Rabu dan Khamis)
 - Sesi 2 : 16 dan 17 Julai 2024 (Selasa dan Rabu)
 - Masa : 8.00 pagi hingga 5.00 petang
 - Tempat : Dewan Serbaguna MBSJ Kompleks 3K SS13,
Subang Jaya

Bengkel ini adalah bagi memberikan pendedahan asas tentang warisan kebudayaan Malaysia yang kaya dengan pelbagai kesenian yang unik dan menarik serta menyemarakkan kegiatan seni budaya dalam kalangan pelajar dan guru.

Majlis menyasarkan penyertaan daripada Pelajar Sekolah Rendah dan Menengah dan pengisian program adalah Asas Tarian Tradisional Melayu (Tarian Piring Selangor) dan Asas Persembahan Koir. Yuran penyertaan yang dikenakan adalah sebanyak RM10.00 bagi setiap peserta.

- vii) Datuk Bandar juga memaklumkan mengenai situasi semasa demam denggi di MBSJ. Sehingga minggu epid ke 21, MBSJ telah mencatatkan sebanyak 4,736 kes positif demam denggi. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 52% jika dibandingkan dengan kumulatif kes pada minggu epid yang sama di tahun 2023 iaitu sebanyak 3,116 kes.

Pada minggu epid 21 ini juga, sebanyak 9 lokaliti hotspot dan 5 lokaliti wabak tidak terkawal telah dikenal pasti. Kawalan demam denggi seperti pemeriksaan tempat pembiakan, *larvasiding* dan *fogging* telah dilaksanakan di lokaliti-lokaliti wabak yang telah didaftarkan.

Langkah-langkah pencegahan seperti kempen 10 minit, gotong royong memusnahkan lokasi potensi tempat pembiakan serta taklimat dan pendidikan kesihatan turut dilaksanakan dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Petaling. Sekiranya terdapat gejala demam denggi, penduduk dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan segera di klinik-klinik dan hospital terdekat. Tiada Aedes, tiada Denggi.

- viii) Datuk Bandar mewakili seluruh warga kerja MBSJ juga mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Encik Ismail bin Salim, Pengarah Khidmat Pengurusan yang telah dilantik sebagai Timbalan Setiausaha MBSJ berkuatkuasa pada 1 Jun 2024. Semoga komitmen yang diberikan akan meningkatkan lagi mutu penyampaian perkhidmatan Majlis.
- ix) Akhir sekali, Datuk Bandar mengambil kesempatan mengucapkan tahniah di atas kenaikan pangkat secara pemangkuan kepada Ir. Dr. Hj. Mohd Ariffuddin bin Hj. Kamari, Pengarah Kejuruteraan Gred J52 dan TPr. Hazman bin Mohd Mahayudin, Pengarah Perancangan Bandar Gred J52. Semoga ia akan menjadi pemangkin untuk terus memberikan perkhidmatan yang terbaik dalam menguruskan bandar raya.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 4/2024

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 4/2024 bertarikh 29 April 2024 (Isnin) disahkan tanpa pindaan.

5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 4/2024

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 4/2024 bertarikh 29 April 2024 (Isnin) diterima tanpa pindaan.

6.0 PENGESAHAN KEPUTUSAN DAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 4/2024 bertarikh 8 Mei 2024

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 4/2024 bertarikh 13 Mei 2024

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 8/2024 bertarikh 26 April 2024

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang
Jaya Bil. 9/2024 bertarikh 14 Mei 2024**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis
Bandaraya Subang Jaya Bil. 5/2024 bertarikh 15 Mei 2024**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 5/2024 bertarikh 16 Mei
2024**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 2/2024 bertarikh 17 Mei 2024

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 4/2024 bertarikh 20 Mei 2024

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 5/2024 bertarikh 21 Mei 2024

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.10 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 4/2024 bertarikh 23 Mei 2024

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

7.0 UCAPAN PENANGGUHAN

Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Kamarul Hafiz bin Kamarudin, wakil daripada Parti DAP.

8.0 PENUTUP

Sebelum menutup mesyuarat Datuk Bandar membuat pengumuman berkenaan beliau telah menerima surat pelantikan sebagai Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Shah Alam pagi tadi daripada YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan akan melapor diri pada 4 Jun 2024, hari Selasa sebagai Datuk Bandar MBSA.

Datuk Bandar berharap kerjasama dapat diteruskan dan semoga warga kerja dapat bekerja dalam suasana yang harmoni. Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat di atas kerjasama dan komitmen yang diberikan sepanjang perkhidmatan. Datuk Bandar mewakili ahli keluarga memohon maaf sekiranya terdapat kekhilafan baik dari segi tutur kata atau perbuatan secara

sengaja atau tidak sepanjang berkhidmat. Kenangan di MBSJ akan sentiasa menjadi kenangan terindah.

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.

Tarikh Disediakan : 31 Mei 2024

" #KITASELANGOR MAJU BERSAMA "

" MALAYSIA MADANI "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;



(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), S.M.S, A.M.N

Timbalan Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Disahkan oleh;



(DATO' HJ. MOHD FAUZI BIN HJ. MOHD YATIM), D.S.I.S, S.M.S

Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

LAMPIRAN

HADIR

1. YBhg. Dato' Hj. Mohd Fauzi Bin Hj. Mohd Yatim, D.S.I.S, S.M.S- Pengerusi
Datuk Bandar
2. YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, S.M.S., A.M.N. - Setiausaha
Timbalan Datuk Bandar Mesyuarat

HADIR (AHLI MAJLIS)

3. Puan Lee Jen Uyin - Ahli
4. Encik M. Anbarasan a/l Murugesu - "
5. Encik Chia Yew Ken - "
6. Encik Mehanatan a/l Embamurthi - "
7. Encik Thamarus a/l Sandayan - "
8. Puan Ng Seow Chen - "
9. Encik Thong Kim Fatt - "
10. Encik Mohd Tarmizi bin Lazim - "
11. Encik Kamarul Hafiz bin Kamarudin - "
12. Tuan Ir. Balachandran Naicker - "
13. Encik Tey Han Cherk - "
14. Puan Suzanah Hanim Wong - "

-
- | | | | |
|-----|-----------------------------------|---|---|
| 15. | Encik Tey Boon Kiat | - | " |
| 16. | Puan Sarawati binti Mukhtar | - | " |
| 17. | Encik Tah Yap Keong | - | " |
| 18. | Encik Pravin a/l Murali | - | " |
| 19. | Encik Parithi Vaanan a/l Ramasamy | - | " |
| 20. | Encik Khairol Basri bin M.Arif | - | " |
| 21. | Encik Nanthakumar a/l Poapalan | - | " |
| 22. | Puan Sri Devi a/p Chenchiah | - | " |

(PEGAWAI MBSJ)

23. Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
24. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
25. Puan Hajah Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
26. Puan Sr. Aida binti Omar, A.M.S., MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
27. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
28. Encik Muhammad Azli bin Miswan, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

29. Puan Nik Zalina binti Megat Muda, CEO
Pengarah, Jabatan Pelesenan
30. Tuan TPr. Hazman bin Mohd Mahayudin
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
31. Tuan Ir. Dr Hj. Mohd Ariffuddin bin Hj. Kamari
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
32. Puan Ts. Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
33. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
34. Tuan Sr. Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
35. Puan Sarina binti Saad
Pengarah, Jabatan OSC
36. Encik Shahrul Fadli bin Abdu Rashid
Pengarah, Unit Audit Dalam
37. Puan Sr. Nornizam binti Mohd Jusoh
Pengarah, Jabatan COB
38. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
39. Puan Dr. Nurnawwar binti Arpaai
Timbalan Pengarah, Jabatan Kesihatan
40. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
41. Encik Mohd Herman bin Musanip
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Unit Integriti

42. Puan Norsilawati binti Mohamed Yatim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil

URUSETIA

43. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
44. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
45. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|---|---|-------------|
| 1. | Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik Thomas Low Yew Sin | - | " |
| 3. | Encik Muhammad Fauzan bin Rosli | - | " |
| 4. | Encik Saidin bin Awang | - | " |
| 5. | Puan Hajah Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.P.C., P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil | | |